



GARIS PANDUAN PERMOHONAN INSENTIF PENERBITAN JURNAL MYCITE UMS

1.0 PENGENALAN

Insentif ini diperkenalkan bagi menggalakkan penglibatan kakitangan akademik Universiti Malaysia Sabah (UMS) dalam penerbitan hasil kajian penyelidikan melalui jurnal UMS yang berindeks MyCite. Insentif ini bertujuan meningkatkan kualiti dan impak penerbitan universiti di peringkat nasional dan antarabangsa.

2.0 OBJEKTIF

- 2.1 Meningkatkan jumlah penerbitan dalam jurnal UMS yang berindeks MyCite serta memperkukuh kadar sitasi penerbitan universiti.
- 2.2 Membantu jurnal-jurnal UMS memenuhi kriteria untuk mencapai indeks Scopus.
- 2.3 Memperkukuh reputasi akademik universiti serta menyokong pencapaian penarafan enam (6) bintang MyRA dalam kategori penerbitan.

3.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- 3.1 Permohonan dibuka kepada semua kakitangan akademik UMS yang berstatus tetap atau kontrak dan masih berkhidmat secara aktif.
- 3.2 Hanya artikel jurnal yang menyatakan afiliasi "Universiti Malaysia Sabah" layak memohon bagi insentif ini.
- 3.3 Artikel mesti diterbitkan dalam mana-mana jurnal MyCite UMS berikut dan terhad kepada 20 artikel bagi setiap jurnal:
 - a) Borneo Journal of Medical Science (BJMS)
 - b) Borneo Science
 - c) Journal of Tropical Biology and Conservation (JTBC)
 - d) Malaysian Journal of Business and Economics (MJBE)
 - e) Southeast Asia Psychology Journal (SAPJ)
 - f) Labuan Bulletin of International Business and Finance (LBIBF)
 - g) Labuan e-Journal of Muamalat Society (LJMS)
 - h) MANU
 - i) Gendang Alam
- 3.4 Pemohon mestilah merupakan pengarang penghubung (*Corresponding author*) atau Penulis utama (*First Author*) bagi penerbitan tersebut. Permohonan daripada salah satu pemohon sama ada pengarang penghubung atau penulis utama bagi yang mempunyai tajuk yang sama sahaja yang akan diambil kira.

- 3.5 Artikel yang diterbitkan mestilah telah menerima pengesahan penerbitan daripada penerbit jurnal pada tahun semasa.

4.0 KADAR INSENTIF

- 4.1 Insentif berjumlah RM300.00 akan diberikan bagi setiap artikel yang diterbitkan dalam jurnal MyCite UMS.
- 4.2 Bayaran insentif yang diluluskan akan dikreditkan terus ke dalam akaun pemohon.

5.0 TATACARA PERMOHONAN

- 5.1 Pemohon perlu mengemukakan permohonan melalui **Borang Insentif Penerbitan Jurnal MyCite UMS**.
- 5.2 Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dilampirkan bersama salinan muka hadapan penerbitan dan helaian, yang mengandungi maklumat seperti pengarang, afiliasi, tajuk, penerbitan, tahun, nama UMS, dan nama penerbit jurnal.
- 5.3 Borang permohonan yang telah lengkap hendaklah dihantar ke Penerbit UMS untuk diproses.
- 5.4 Permohonan perlu dikemukakan sebelum atau pada tarikh tutup permohonan seperti yang ditetapkan oleh Penerbit UMS. Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup tidak akan dipertimbangkan.

6.0 CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN INSENTIF PENERBITAN JURNAL MYCITE UMS

Sila lihat Lampiran 1.

Lampiran 1: Carta Alir Proses Permohonan Insentif Penerbitan Jurnal MyCite UMS

